

# PM: Promosi barang kita di AS

UM 18 MAY 2002

**S**EPANG 17 Mei - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru usahawan Malaysia agar mempromosikan barangan dan menunjukkan keupayaan pembuatan mereka di Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, beliau kesal kerana rakyat Malaysia tidak mengambil inisiatif untuk membuat promosi di negara itu walaupun barangan buatan Malaysia mempunyai potensi pasaran yang amat besar.

"Tidak ada satu tempat pun untuk barangan Malaysia dipamerkan dan ti-

dak ada usaha oleh pengusaha kita untuk memamerkan barangan mereka.

"Sedangkan pasaran di AS begitu besar sekali (dan) kalau kita dapat satu peratus pun sudah cukup besar," katanya pada sidang akhbar se kembalinya dari lawatan ke AS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau telah berbincang dengan Duta Malaysia ke AS mengenai perkara tersebut dan membuat keputusan untuk menyediakan ruang di Kedutaan

Malaysia untuk memamerkan barangan tempatan.

"Pengeluar barangan Malaysia pula harus menyediakan barangan mereka jadi kita boleh buat promosi untuk mereka.

"Akhirnya mereka boleh mendapat keuntungan. Jadi mereka sepatutnya sedia memberikan barangan mereka untuk dipamerkan," katanya.

Mengenai minat yang ditunjukkan oleh Pengerusi Rezab Persekutuan AS, Alan Greenspan terhadap sistem perbankan Islam Malaysia, Perdana Menteri berkata, beliau

(Greenspan) jelas tidak mengetahui mengenai kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam bidang perbankan Islam.

"Greenspan telah berta nyakan kemungkinan kita adakan bon Islam sedangkan kita telah sekian lama mengusahakannya dan banyak lagi produk perbankan Islam yang dicipta di Malaysia serta telah diterima oleh masyarakat Islam.

"Jelas sekali bahawa mereka hanya bertumpu kepada sistem mereka sahaja dan tidak begitu yakin bahawa sistem perbankan Islam boleh digunakan," katanya.